

## USAHA TANGGA KEJAYAAN

### A. Baca petikan cerita di bawah ini.

Amin dan keluarganya tinggal di Kuala Krai, Kelantan. Mereka hidup bahagia walaupun ayahnya seorang penoreh getah. Amin sungguh bersimpati terhadap ayahnya kerana bekerja kuat untuk menyara kehidupan mereka sekeluarga.

Pagi-pagi lagi ayahnya telah bangun. Berbekalkan sebuku roti dan setabung air kopi, dia menuju ke kebun getah. Kira-kira pukul dua belas tengah hari, bapanya selesai menoreh getah. Di sebelah petang pula ayahnya turun ke sawah padi. Begitulah kerja-kerja yang dilakukan oleh ayah Amin.

Amin berazam untuk mengubah nasib keluarganya. Dia tidak pernah ponteng sekolah. Di sekolah dia belajar bersungguh-sungguh. Di sebelah petang, setelah selesai belajar di sekolah agama, dia mengulangkaji pelajarannya. Dengan usaha dan kerajinannya, dia selalu mendapat markah yang tinggi dalam ujian yang diduduki.

Guru-guru Amin selalu memujinya kerana kecemerlangannya dalam pelajaran. Selain maju dalam bidang pelajaran, Amin juga aktif dalam bidang sukan. Dia mewakili pasukan bola sepak dan juga hoki sekolahnya. Amin telah dua kali dianugerahkan sebagai olahragawan sekolahnya. Dengan kerajinan dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh Amin, tidak hairanlah pada suatu hari nanti dia akan menjadi seorang yang berjaya dalam hidupnya.

### B. Beri maksud perkataan-perkataan berikut.

1. bahagia = .....
2. kira-kira = .....
3. mengubah = .....
4. diduduki = .....
5. berjaya = .....

### C. Jawab soalan pemahaman di bawah berdasarkan petikan yang diberi.

1. Mengapakah bapa Amin bekerja keras setiap hari ?
2. Bagaimanakah kehidupan keluarga Amin?
3. Mengapakah Amin belajar dengan bersungguh-sungguh ?
4. Apakah pekerjaan yang dilakukan oleh bapa Amin ?
5. Mengapakah Amin selalu mendapat pujian daripada gurunya ?

### D. Berdasarkan cerita di atas, catatkan empat isi utama.

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_

### E. Senaraikan empat nilai murni yang terdapat dalam petikan yang diberi.

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_

### F. Jika anda ialah rakan Amin, bolehkah anda membantunya ? Nyatakan empat perkara yang boleh anda buat.

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_

A. Baca dan fahami petikan biografi di bawah ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang menyusulnya.

Kenalkah anda akan Datuk Dr. Ishak Haji Muhammad ? Beliau yang masyhur dengan nama penanya, Pak Sako adalah tokoh sastera negara yang banyak jasanya. Namun demikian, beliau telah meninggalkan kita selama-lamanya pada tanggal 7 November 1991.

Pak Sako bukan saja terkenal sebagai tokoh sastera negara tetapi juga terkenal sebagai pejuang bangsa. Beliau turut terlibat dalam memperjuangkan kemerdekaan negara daripada belenggu penjajahan melalui bidang penulisan.

Dalam bidang penulisan, beliau menggunakan pelbagai nama samaran yang lain seperti Hantu Raya, Pak Pandir Modenb, dan Isako San. Nama-nama tersebut lazimnya digunakan apabila beliau menulis rencana yang mengkritik pihak Inggeris.

Oleh sebab beliau berani dan tidak mudah menerima arahan pegawai Inggeris, Pak Sako sanggup menamatkan perkhidmatannya dengan pihak Inggeris pada tahun 1935. Selepas itu, beliau menjadi penulis tetap untuk mengubah pemikiran masyarakat ketika itu. Pak Sako yakin bahawa menerusi tulisannya beliau dapat mengingatkan penjajah Inggeris bahawa bangsa Melayu tidak mudah diperkecil-kecilkan.

Pak Sako bergiat dalam bidang penulisan secara aktif pada tahun 1937. Ketika itu beliau menjadi pengarang serta penterjemah di syarikat akhbar Warta Malaya di Singapura. Pada tahun yang sama beliau menghasilkan novel pertamanya, "Puteri Gunung Tahan".

Kelahiran novel pertamanya itu menguatkan rasa cinta Pak Sako terhadap bidang kewartanan. Sebagai hasilnya, beliau turut serta dalam usaha menerbitkan Utusan Melayu pada 29 Mei 1939. Oleh sebab beliau yakin bahawa Utusan Melayu dapat menjadi sumber maklumat yang penting bagi masyarakat Melayu, beliau pun bekerja dengan syarikat tersebut. Semasa di Utusan Melayu, beliau

banyak menulis novel yang menyindir pihak Inggeris dan golongan bangsawan Melayu.

Sumbangan Pak Sako yang besar ertinya terhadap perkembangan sastera dan perjuangannya menentang penjajah menerusi tulisan seharusnya kita sanjung tinggi. Jasa dan pengorbanan beliau kepada masyarakat dan negara tidak harus kita lupakan. Kalau *harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama*.

---

B. Jawab soalan pemahaman di bawah.

1. Siapakah nama Pak Sako yang sebenarnya ?
2. Peristiwa apakah yang berlaku pada tanggal 7 November 1991 ?
3. Apakah tujuan utama Pak Sako bergiat dalam bidang penulisan ?
4. Pepatah *harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama* bermaksud ...
5. Daripada rencana biografi di atas, kita mengetahui bahawa Pak Sako adalah tokoh .....
6. Bagaimanakah cara Pak Sako membantu dalam penentangan terhadap penjajah Inggeris ?

C. Berikan erti perkataan di bawah ini.

- |               |               |             |
|---------------|---------------|-------------|
| 1. Tanggal    | 5. terlibat   | 8. lazimnya |
| 2. mengkritik | 6. menamatkan | 9. menerusi |
| 3. mudah      | 7. aktif      | 10. penting |
| 4. menentang  |               |             |

## AKU SEBUAH JAM

A. Baca dan fahamkan petikan di bawah ini.

Aku berasal dari Osaka, Jepun. Aku bernama Seiko. Aku dilahirkan di sebuah kilang. Aku menemui rakan-rakan yang sebaya denganku di sini. Setelah beberapa hari aku dilahirkan, aku dimasukkan ke dalam sebuah kotak. Rakan-rakanku yang lain dimasukkan ke dalam kotak yang lain. Maka berpisahlah aku dengan rakan-rakanku.

Aku dan rakan-rakanku dihantar ke pelabuhan dengan sebuah van. Kami akan dihantar ke sebuah negara yang bernama Malaysia. Setelah sekian lama, kami pun sampai di Pelabuhan Kelang, Malaysia. Dari pelabuhan itu, kami telah dihantar ke sebuah kedai jam. Aku dan kawan-kawanku dipamerkan di kedai itu dalam sebuah almari kaca. Orang ramai yang lalu di kedai itu melihat-lihat kami.

Setelah beberapa hari, datanglah seorang lelaki dan anaknya. Lelaki itu hendak membeli jam sebagai hadiah hari jadi anaknya. Anak lelakinya tertarik dengan dua belah tanganku yang cantik. Dia juga suka melihat mukaku yang berwarna hitam. Begitu juga dengan dua belas mataku yang terukir unik. Bapanya bersetuju membeli aku. Mulai hari itu, budak lelaki itu menjadi tuan aku.

Dia membawa aku ke mana-mana sahaja. Rakan-rakannya di sekolah juga tertarik dengan rekaanku yang unik. Tuan aku ini lasak orangnya. Dia membawa aku semasa bermain bola di padang. Semasa dia mendaki gunung, aku turut dibawa. Kadang-kadang badanku tercalar. Aku terasa amat sakit. Tuan aku tidak pernah merawat calar-calar yang terdapat pada badanku. Mujurlah kedua-dua tanganku masih boleh bergerak dengan baik. Mukaku juga pernah dimasuki air ketika aku dibawa mandi dalam air masin.

Suatu hari, tuan aku pergi mendaki gunung lagi. Dia tidak menyedari yang tali pada badanku telah hampir putus. Sedang dia mendaki gunung, tiba-tiba aku terlepas dari tangannya. Aku terjatuh ke dalam gaung dan terhempas di atas batu. Badanku pecah dan hampir berderai. Kedua-dua tanganku pergi entah ke mana. Tuan aku hanya memandangi ke bawah. Dia sedikit pun tidak mempedulikan aku. Dia terus mendaki gunung. Lalu berakhirlah riwayatku sebagai sebuah jam tangan.

B. Beri maksud perkataan-perkataan berikut :

- |             |             |
|-------------|-------------|
| 1. Berasal  | 4. Rekaan   |
| 2. Berpisah | 5. Tercalar |
| 3. Tertarik | 6. Merawat  |

C. Jawab soalan-soalan pemahaman di bawah berdasarkan petikan yang diberikan.

1. Apakah yang terjadi sebelum `aku' berpisah dengan kawan-kawannya semasa di kilang ?
2. Ke manakah jam tangan dihantar setelah sampai di Pelabuhan Kelang ?
3. Bagaimanakah rupa jam tangan itu ?
4. Bagaimanakah sikap tuan punya jam tangan ?
5. Bagaimanakah berakhirnya riwayat jam tangan itu ?